



جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK ZAFRANI BIN ARIFFIN
PEMANDU PELANCONG

OLEH:

NUR FATIN FARISHA BINTI OTHMAN 2017568965
SALWA BINTI MOHD ISA 2017910877

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR-604 PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 5 (MAC 2019 – JULY 2019)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK ZAFRANI BIN ARIFFIN
PEMANDU PELANCONG

OLEH:

NUR FATIN FARISHA BINTI OTHMAN 2017568965
SALWA BINTI MOHD ISA 2017910877

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR-604 PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 5 (MAC 2019 – JULY 2019)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Bersyukur kami ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat kami menyiapkan kerja kursus ini dengan jayanya. Pertama sekali kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Zafrani Bin Ariffin kerana telah bersetuju untuk menjadi pencerita kepada kami. Terima kasih kepada Universiti Teknologi Mara Kampus Kelantan kerana telah menyediakan perpustakaan, bahan bacaan serta rujukan yang pelbagai untuk kegunaan kami sepanjang menyiapkan tugas ini.

Selain itu, kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami, Puan Nurulannisa binti Abdullah. Beliau telah banyak membantu kami dari awal sehingga kami dapat menyiapkan tugas ini.

Akhir sekali, ribuan terima kasih buat sahabat-sahabat sekelas yang tidak berat hati menolong untuk memahami sesuatu yang tidak jelas.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK

MUKASURAT

| | |
|--------------------|-----|
| Penghargaan..... | i |
| Isi kandungan..... | ii |
| Abstrak..... | iii |
| Biodata Tokoh..... | .iv |
| Pengenalan..... | v |

Transkrip

| | |
|--|-------|
| Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh..... | 1-11 |
| Bahagian 2: Sejarah Memorial Perang Bank Kerapu..... | 12-24 |
| Bahagian 3: Asal-usul Memorial Perang Bank Kerapu..... | 25 |
| Bahagian 4: Reka bentuk Memorial Perang Bank Kerapu..... | 26-28 |
| Bahagian 5: Kejayaan Memorial Perang Bank Kerapu..... | 29-31 |
| Bahagian 6: Harapan..... | 32-36 |
| Bahagian 7: Soalan Tambahan..... | 36-54 |

| | |
|--------------|--|
| Penutup..... | |
|--------------|--|

Lampiran

| | |
|-----------------------|--|
| Senarai Soalan..... | |
| Surat Perjanjian..... | |
| Gambar..... | |
| Indeks | |

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Temubual ini adalah di antara Salwa Binti Mohd Isa dan Nur Fatin Farisha Binti Othman menemubual Encik Zafrani Bin Ariffin, pemandu pelancong mengenai sejarah penubuhan Memorial Perang Bank Kerapu. Beliau menceritakan keseluruhan mengenai pekerjaan beliau sebagai pemandu pelancong yang berkaitan dengan sejarah Jepun dan juga sejarah Memorial Perang Bank Kerapu. Beliau yang kini bergerak secara solo menjadi pemandu pelancong di seluruh Malaysia mempunyai pengalaman yang luas dalam sejarah Memorial Perang Bank Kerapu. Beliau juga banyak menekankan pentingnya untuk kita mendalami sejarah khususnya sejarah tentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Di akhir temubual, beliau ada juga memberi sedikit pendapat untuk menarik lebih ramai orang untuk mengunjungi tempat bersejarah.

Kata kunci: sejarah, pengalaman, penubuhan, pemandu pelancong.

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



| | |
|-----------------|----------------------------------|
| Nama: | Zafrani Bin Ariffin |
| Alamat: | Taman Guru, Kota Bharu, Kelantan |
| Nama Panggilan: | Zaf |
| Umur: | 48 tahun |
| Pekerjaan: | Pemandu Pelancong |

PENGENALAN

PENGENALAN

Sejarah Memorial Perang Bank Kerapu pada asalnya Bank Kerapu adalah merupakan sebuah bangunan bersejarah yang terletak di sebelah hilir Padang Merdeka, Kota Bharu, Kelantan. Pada tahun 1912, bangunan ini siap dibina dan mula digunakan sebagai bank oleh "The Mercatile Bank of India Ltd". Bangunan ini merupakan bank pertama yang dibuka di Kelantan.

Semasa Perang Dunia ke-II, pasukan polis rahsia Jepun telah menggunakan bangunan ini sebagai ibu pejabat Kempai Tai, pejabat rahsia Polis Jepun. Bangunan ini juga dijadikan penjara, tempat siasatan, tempat penderaan dan lain-lain aktiviti keganasan mereka. Apabila Jepun menyerah kalah dan Inggeris kembali memerintah negeri ini, bangunan ini digunakan semula sebagai bank. Pada tahun 1977, nama bank tersebut bertukar kepada "The Hong Kong & Shanghai Banking Corporation", dan pada 1981 bangunan ini dijadikan pula sebagai Balai Seni Lukis dan Kraftangan Kelantan. Mulai tahun 1992, bangunan ini digunakan sebagai Memorial Perang Dunia Ke II di Kelantan.

Sehubungan dengan itu, kami telah menemubual Encik Zafrani Bin Ariffin iaitu Pemandu Pelancong yang banyak mengetahui tentang sejarah Memorial Perang Bank Kerapu. Temubual ini telah dibuat di Menara Tinjau, Kota Bharu, Kelantan pada 4 Mei 2019. Temubual ini telah berlangsung selama dua jam lima minit. Temubual ini adalah tentang sejarah Memorial Perang Bank Kerapu.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Berikut merupakan temubual secara lisan yang telah dijalankan oleh Salwa Binti Mohd Isa dan Nur Fatin Farisha Binti Othman dari UiTM [Universiti Teknologi Mara Cawangan Kelantan Kampus Machang], bersama Encik Zafrani Bin Datuk Mohd Ariffin mengenai sejarah Memorial Perang Bank Kerapu yang ditubuhkan pada tahun 1912. Temubual ini dijalankan di Menara Tinjau, Kota Bharu pada 4 Mei 2019 pada jam 11.30 pagi. Tujuan temubual ini adalah untuk memenuhi permintaan subjek pendokumentasian sejarah dan ingin mengenal pasti sejarah Memorial Perang Bank Kerapu. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

S : Salwa Binti Mohd Isa

Z : Zafrani Bin Datuk Mohd Arifin

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

S : Assalamualaikum encik, boleh encik ceritakan serba sedikit mengenai diri encik?

Z : Nama saya Zafrani Bin Mohd Arifin, berasal dari Kota Bharu, Kelantan. Saya ni [ini]

sebagai Ahli Sejarah Kelantan, kita ni dalam Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan

(PPSK) dan kita ni [ini banyak bekerjasama dengan Muzium Negeri Kelantan dan mana-mana jabatan yang ingin tahu tentang sejarah Kelantan.

S : Oh okay. Apakah nama penuh encik?

Z : Nama penuh saya Zafrani Bin Mohd Arifin.

S : Aaa, nama gelaran encik pula?

Z : Zaf (ketawa kecil).

S : Apakah pekerjaan encik sekarang?

Z : Dah bersara awal dari BSN dah dua [2] tahun lebih saya bersara dan bekerja sebagai

Tourist Guide atau pemandu pelancong di Kelantan.

S : Macam mana encik boleh memilih pekerjaan ini sebagai freelance?

Z : Okay, saya ini minat sejarah, bila saya minat sejarah saya ada peluang untuk membawa pelancong dan menunjukkan kepada pelancong tempat-tempat bersejarah di Kelantan dan tempat-tempat yang ada kaitan dengan sejarah kebudayaan Negeri Kelantan *lah*.

S : Sudah berapa lama encik berkecimpung dalam bidang ini?

Z : Okay, saya dalam bidang ini lebih kurang dua tahun *lah* aaa bila dalam segi *tourist guide* [pemandu pelancong] tapi sebelum ni saya buat secara sendiri *lah* aaa tu dah lama la mungkin *sepuluh* [10] tahun la.

- S : Adakah encik ada melakukan apa-apa pekerjaan selain sebagai freelance?
- Z : Aa, sebelum *ni* [ini] saya bekerja sebagai kerani di BSN di Kelantan. Ha tu jelah (ketawa kecil)
- S : Adakah encik mendaftar dengan mana-mana organisasi sebagai freelance?
- Z : Emm, saya ni berdaftar dengan Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan sahaja lah aa Persatuan Pencinta Sejarah Kelantan dan Persatuan Sejarah Malaya Tanah Melayu lah.
- S : Sebelum menjadi freelance, jadi kerani dekat BSN lah?
- Z : Kerani BSN yes [ya].
- S : Selama beberapa tahun?
- Z : Banyak belas tahun, lebih kurang *dua puluh* [20] tahun. (ketawa kecil).
- S : So [jadi], encik jadi tour guide [pemandu pelancong] ni [ini] dekat Kelantan jelah [saja lah] takde [tak ada] tempat lain?
- Z : Saya ni sebagai *tourist guide* [pemandu pelancong] satu Malaysia lah.

S : Boleh saya tahu berapa usia encik sekarang?

Z : Aa saya umur *empat puluh lapan* [48] tahun.

S : Boleh encik ceritakan sikit mengenai tempat kelahiran encik?

Z : Oo saya lahir di Pasir Mas, Kelantan.

S : Memang asal Kelantan lah?

Z : Memang asal Kelantan.

S : Boleh encik ceritakan sedikit aa latar belakang pendidikan encik?

Z : Saya dulu bersekolah di Kelantan saja lah, Sekolah Sultan Ismail College di Kelantan hingga tahun *sembilan belas lapan puluh lapan* [1988] lah dan selepas itu saya masuk ITM sekejap , ITM di Kelantan lepas tu saya keluar untuk bekerja sebagai kerani.

S : Sekarang ni encik menetap kat [di] mana?

Z : Sekarang ni saya menetap di Taman Guru, Kota Bharu, Kelantan.

S : Berapakah bilangan ahli keluarga encik dan encik ni anak yang ke berapa?

Z : Bilangan keluarga saya ialah sembilan [9] orang dan saya anak ke *lapan* [8] hmm

S : Aaa ibu bapa encik masih ada sekarang?

Z : Dah meninggal.

S : Boleh saya tahu nama bapa encik?

Z : Aaa Datuk Mohd Ariffin Bin Abdul Ghani.

S : Nama ibu?

Z : Datin Kamariah Binti Abdullah.

S : Aaa ibu bapa encik berasal dari mana?

Z : Dari Kelantan jugak.

S : *Kat [di] mana ya?*

Z : Kalau ayah saya, arwah ayah saya di Kota Bharu aa arwah ibu dari Kuala Krai, Kelantan

S : Memang orang Kelantan lah?

Z : Ya saya.

S : Boleh encik ceritakan serba ringkas tentang ibu bapa encik?

Z : Aaa ayah saya dulu dia DO ataupun District Officer, Pegawai Daerah lah di Kelantan.

Jadi, tahun 50-an hingga 80-an dia bertugas di semua daerah di Kelantan sebagai DO ataupun District Officer lah. District Officer ni apani, Pegawai Daerah (ketawa kecil).

S : Ibu encik pula pekerjaan dia?

Z : Dia suri rumah sahaja lah.

S : Boleh saya tahu status encik sekarang?

Z : Aaa status aaa masih bujang (ketawa)

S : Boleh encik ceritakan sedikit latar belakang keluarga encik termasuk adik-beradik.

Adakah mereka masih belajar ataupun dah bekerja?

Z : Aaa jadi adik-beradik saya ni sudah bekerja semua lah dan ada yang sudah pencen.
(ketawa)

S : Ada tak adik-beradik encik yang ikut jejak langkah encik macam untuk mendalami sejarah?

Z : Aaa tidak ada.

S : Encik sorang ja lah?

Z : Aaa cuma saya. Cuma saya pun minat dengan sejarah ni sebab mengikut jejak langkah

ayah saya dulu. Dia banyak cerita tentang sejarah saya ikut dia punya minat la. (ketawa)

S : **Kat [di] mana encik bersekolah rendah?**

Z : Di sekolah rendah? Saya bersekolah rendah di Sekolah Rendah Sultan Ismail 1, Jalan Batu 2, Jalan Kuala Krai, Kota Bharu, Kelantan.

S : **Sekolah menengah?**

Z : Sekolah rendah? (menyampuk sekolah menengah, tadi sekolah rendah) ooo SIC Sultan Ismail College di Kota Bharu lah.

S : **Selepas tamat persekolahan menengah, di mana encik melanjutkan pelajaran?**

Z : Aaa saya masuk di ITM Kelantan sekejap aa tapi bila ada peluang pekerjaan saya (menyampuk berhenti lah?) dan masuk bekerja lah (menyampuk okay).

S : **Ada tak kenangan manis atau pahit encik ketika zaman persekolahan dahulu? (ketawa)**

Z : (ketawa) Aaa kenangan manis dengan kawan-kawan lah kita ramai kawan dan sekarang pon masih lagi teruskan perkawanan (menyampuk contact lagi la) pahit tu tak ada sangat. (ketawa kecil)

S : Boleh saya tahu pencapaian tertinggi encik maksudnya pernah dapat sebarang anugerah ataupun ada sertai apa-apa pertandingan?

Z : Okay, kalau segi anugerah ni [ini] saya terbabit dalam pembikinan di *Kementeri* [Kementerian] lah di *Kementeri* [Kementerian] lah History Channel tajuknya saya banyak buat di *Kementeri* [Kementerian] lah dengan pelbagai syarikat kan tapi yang menang award tu aa History Channel tajuknya 'The Rising Sun of Malaya'. Saya dilantik sebagai penasihat lah sebagai advisor di Kementeri tu dan di Kementeri tu dapat banyak award menang aa Best Kementeri Award di Malaysia beberapa tahun dulu. Jadi, Kementeri ni paling banyak menang dalam sejarah Malaysia.

S : Boleh saya tahu hobi encik pada masa lapang?

Z : Okay saya banyak membaca buku lah, buku sejarah berkaitan dengan sejarah.

S : Cita-cita encik masa kecil?

Z : Cita saya dulu tu saya minat menulis dan membaca jadi cita-cita saya nak jadi... (menyampuk sejarawan ke?) bukan jugak nak jadi pemberita (menyampuk pembaca berita?) penulis dia panggil correspondence err journalist. (ketawa kecil)

S : Sekarang ni siapakah idola encik?

Z : Ooo (ketawa kecil) saya ni minat sejarah jadi penulis buku sejarah.

S : So, adakah encik ini begitu meminati bidang sejarah?

Z : Betul (menyampuk memang betul-betul minat lah?) Saya minat dulu lagi kecil lagi saya pergi ke pantai di Kota Bharu, Pantai Sabak tengok ada Kubu British kat sana jadi saya selidik la, macam mana kita boleh imagine la. Bila kita minat dari kecil, kita ingin tahu lagi la dan buat research.

S : Sejak usia berapa yang encik betul-betul meminati bidang sejarah?

Z : Aaa bila kita bermula tu kecil lagi lah aa umur belasan tahun tapi bila kita betul-betul ni around 15 tahun masa sekolah menengah. Kita belajar sejarah dan emm kita baca buku sejarah dan kita research.

S : Apakah yang mendorong encik untuk menjurus minat kearah sejarah ini?

Z : Okay aa sejarah kita ni tentang Perang Dunia Kedua kan jadi aa Jepun mendarat di Kota Bharu, peperangan pertama di Asia bukan di Asia di Asia Pasifik jadi dia satu jam lebih awal dari Pearl Harbour jadi yang tu pun satu sejarah yang penting lah. Jadi berlaku di Kota Bharu tempat kita sendiri, jadi kita boleh tau lagi banyak lah tinggalan sejarah ni.

S : Macam mana encik menanam minat untuk mendalami tentang sejarah?

Z : Emm menanam minat? Macam mana menanam minat tu? (menyampuk contohnya

macam em insipirasi daripada siapa yang encik boleh minat?) okay saya bekerjasama dengan persatuan sejarah lain dan ahli-ahli kumpulan macam MSG (Malayan History Good) dia banyak buat on site research tentang kawasan perang dulu jadi bila tengok betul-betul bila minat bersungguh-sungguh jadi kita pun seronok dan minat juga la. (ketawa kecil)

S : Adakah encik pernah mendapat pengiktirafan dari mana-mana pihak?

Z : Kalau kira ni walaupun saya tidak ada degree apa pun kan, tapi dengan amount of research kita buat sendiri dengan group kita ni, kita dapat aa iktiraf oleh Muzium Tentera Darat, Muzium Negeri Kelantan dan apa-apa badan yang terlibat di Kementeri dia akan consult kita lah. Kementerian Pelancongan pun ada Kementerian Pelancongan Kelantan pun mintak saya bagi pandangan, bukan di Kelantan saja di Terengganu pun kita buat dan kita pergi Singapore atau-atau mana or still tanya kita because (menyampuk dorang banyak refer dengan encik lah?) ya, saya.

S : Boleh saya tahu matlamat hidup encik sekarang?

Z : Okay matlamat hidup saya sekarang adalah ingin menyiapkan buku sejarah tentang pendudukan Jepun di Kelantan dan sekarang dalam proses .

- S : Sebelum ini, adakah encik pernah ditemuramah oleh mana-mana pihak?**
- Z : Sebelum ni ada (menyampuk banyakla?) macam media dari Jepun ada (menyampuk daripada luar pun ada?) Komunis Jepun datang dan local media TV3, akhbar tempatan, Sinar Harian dan radio pon ada TV pon ada TV3 (ketawa kecil)
-
- S : Pelajar ada tak yang interview [temuramah] encik?**
- Z : Ada juga. Pelajar universiti berkaitan sejarah, muzium di Bank Kerapu.

BAHAGIAN 2: SEJARAH MEMORIAL PERANG BANK KERAPU

S : Boleh encik ceritakan serba sedikit tentang sejarah Memorial Perang Bank Kerapu?

Z : okay, memorial Perang Bank Kerapu ialah satu muzium untuk berkaitan dengan sejarah pendudukan jepun di tanah melayu dan khususnya kepada pendudukan jepun di Kelantan. Muzium itu menempatkan sejarah artifak-artifak dan kisah-kisah perang masa dulu [dahulu] dan juga temasuk darurat ada.

S: Apakah nama awal bangunan ini?

Z : Nama awalnya ialah The Mercantile Bank Of India Limited , sebelum ini dia bank.

S : Nama terkini bangunan ini?

Z : Memorial Perang Bank kerapu

S ; Mengapakah bangunan ini diberi nama Memorial Perang Bank Kerapu?

Z : Jadi bangunan ini diberi nama memorial perang bank kerapu sebabnya ia muzium untuk kita belajar daripada sejarah lah, artifak sejarah sana supaya kita tak lupa apa yang berlaku dalam negeri kita dulu dan dijadikan iktibarlah. Jadi banyak artifak dan kisah-kisah masa perang yang tersimpan dekat sana.

S : Dimanakah bangunan ini terletak?

Z : ia terletak di Jalan pos office lama kota bharu berhampiran dengan zon rakyat Kelantan

S : Mengapakah Kota Bharu dipilih untuk membina bank ini?

Z : Okay kota bharu (...) dulu lepas British ambil dibawah kloni british tahun Sembilan belas Sembilan puluh Sembilan [1999] duff company oleh Britain datang untuk menguruskan kerajaan sini jadi ia memerlukan bank , jadi bank mercantile of india dibina untuk meneruskan urusan kerajaan british dengan urusan [apa ini] ekonomi di Kelantan lah.

S : Siapakah yang membangunkan tapak ini sehingga menjadi bank?

Z : ummm

S : Pemilik asal tempat ini ?

Z : Pemilik asal ? umm boleh saya refer kertas sebab saya tak ingat nama , okay asal dulu tempat ini ialah tanah yang di [apa ni] owner [pemilik] dia kan namanya nik yusoff bin nik abdul majid atau dikenali sebagai dato seri paduka raja dia ini dulu(...)

S : Dia dilantik menjadi menteri besar Kelantan kan ?

Z : Ya betul , dia yang kelapan [8], zaman sultan pemerintahan dua [2] sultan lah hingga

sultan mohammad ketiga [3] lah sehingga seribu Sembilan ratus [1900] jadi dia la salah seorang pembesar Kelantan jadi tanah dia lah dulu.

S : Siapa yang bangunkan tapak ini sehingga ia menjadi bank?

Z : okay jadi mercantile bank of india lah dia bina pejabat dia untuk menguruskan ummm [apa ini] urusan duff company dia, dulu duff company datang ke Kelantan untuk membuat mencari emas kan [...] jadi dia untuk simpn duit, itulah urusan bank dia.

S : Bilakah bangunan ini ditubuhkan?

Z : kalau kira dia beli tanah ini tahun sembilan belas dua belas [1912] dan lepas itu mungkin dia dibina sepuluh [10] tahun kemudian bagi saya lah [aaaa] mungkin tahun Sembilan belas dua puluh [1920] an, dan dia lah merupakan bangunan pertama yang dibuat oleh batu di Kelantan hingga sekarang lah ada lagi.

S : Berapakah tempoh masa yang diambil untuk membina bangunan ini?

Z : sebenarnya saya takdak [tiada] rekod, tapi kalau saya pernah baca artikel dulu dia dibina dalam tahun Sembilan belas tiga puluh [1930] an lah. (—) hmmm mungkin ambil masa beberapa tahun lah, mungkin dalam lima [5] tahun lah mungkin, tiada definite record [rekod tetap].

S : Bilakah bangunan ini diambil alih oleh Muzium Negeri Kelantan?

Z : okay muzium negeri Kelantan ambil alih bangunan ini sebagai muzium perang pada tahun sembilan belas sembilan puluh satu [1991]. Sebelum ini lepas dia jadi bank pada sembilan belas dua belas [1912] zaman perang jepun dia dijadikan sebagai markas jepun, markas kempai tai lepastu dia sambung balik dengan bank hingga tahun sembilan belas lapan puluh [1980] an atau tujuh puluh an [1970] dan lepas tu kerajaan Kelantan ambik bank ini lah sebagai muzium dan sebelum itu dia sebagai balai seni lukis dan kraftangan Kelantan, tahun sembilan belas sembilan puluh satu [1991] dia ambik sebagai muzium perang lah dan dirasmikan pada tahun sembilan belas sembilan puluh empat [1994] oleh sultan Kelantan.

S : Apakah matlamat utama penubuhan Memorial Perang Bank Kerapu?

Z : okay matlamat utama ialah untuk meng preserve [menyimpan] history [sejarah] menjaga artifik sejarah Kelantan, kisah sejarah Kelantan khususnya perang dunia kedua [2] lah , sebabnya di Kelantan lah bermulanya perang di pasifik. Jadi perang pasifik ni, perang kedua [2] ini banyak mengubah sejarah kita jadi kita merdeka pon sebab zaman inilah, semangat nasionalisma kita naik dan kita merdekalah.

S : Adakah Bank Kerapu merupakan bank yang pertama di Kelantan?

Z : ummm ya walaupon sebelum ini kerajaan sultan Kelantan memang ada jugak lah bank

tapi mungkin dia simpan di istana lah, dia ada pitis [duit] dulu , bank pitis mungkin bukan disatu bank tapi ini untuk bank komersial sikit lah.

S : Berapa kali bangunan ini diubahsuai?

Z : sebenarnya bangunan ini, ialah tak banyak ubahsuai hingga sekarang sebab dari segi luar lah tapi interior [dalaman] tu mingkin dua [2] atau tiga [3] kali lah (ummmmm) masa jadi muzium tapi sebelum ini masa jadi bank dia kekalkan sebagai bank lah , bila jadi muzium aaa baru lah dia tukar at least [sekurangnya] dua [2] atau tiga [3] kali lah, hmmm itu kena Tanya orang muzium sendirilah

S : sekarang diorang masih dalam proses ubahsuai kan ?

Z : ya betul , sekarang dalam proses menaik taraf, jadi belum siap lagilah. Dia kata nak buka ni bulan lima [5] aaa bulan ni lah aaa dan jadi kita pon dalam usaha nak mengsiapkan lah, jadi saya sebagai penasihat maklumat selalu kena cek juga lah.

S : Bilakah bangunan ini dirasmikan?

Z : bangunan ini dirasmikan oleh sultan Kelantan pada sembilan belas sembilan puluh empat [1994]

tapi mungkin dia simpan di istana lah, dia ada pitis [duit] dulu , bank pitis mungkin bukan disatu bank tapi ini untuk bank komersial sikit lah.

S : Berapa kali bangunan ini diubahsuai?

Z : sebenarnya bangunan ini, ialah tak banyak ubahsuai hingga sekarang sebab dari segi luar lah tapi interior [dalaman] tu mingkin dua [2] atau tiga [3] kali lah (ummm) masa jadi muzium tapi sebelum ini masa jadi bank dia kekalkan sebagai bank lah , bila jadi muzium aaa baru lah dia tukar at least [sekurangnya] dua [2] atau tiga [3] kali lah, hmm itu kena Tanya orang muzium sendirilah

S : sekarang diorang masih dalam proses ubahsuai kan ?

Z : ya betul , sekarang dalam proses menaik taraf, jadi belum siap lagilah. Dia kata nak buka ni bulan lima [5] aaa bulan ni lah aaa dan jadi kita pon dalam usaha nak mengsiapkan lah, jadi saya sebagai penasihat maklumat selalu kena cek juga lah.

S : Bilakah bangunan ini dirasmikan?

Z : bangunan ini dirasmikan oleh sultan Kelantan pada sembilan belas sembilan puluh empat [1994]

S : Apakah tujuan pembinaan bangunan ini?

Z : aaa asalnya?

S : aaah tujuan asal dia ?

Z : asalnya ialah sebagai bank of india lah, The mercantile Bank of India limited untuk urusan kewangan syarikat british di Kelantan khususnya lah dan aaa untuk kerajaan bukan hanya untuk syarikat duff company, tapi jabatan-jabatan british lain di Kelantan lah, macam jkr dulu pwd eh dulu dipanggil public wealth department [pwd] sebab dia nak bayar gaji pekerja ka semua proses melalui bank lah.

S : Adakah ada timbul sebarang masalah semasa pembinaan bangunan ini?

Z : bagi saya takda lah masalah lagi, saya takda dengar lagilah.

S : Bagaimanakah peralihan fungsi bangunan ini? Maksudnya waktu jepun fungsi kan lain, waktu british kan fungsinya lain boleh encik ceritakan sikit?

Z : okay bila british buat bangunan dia design dengan eloklah [bunyi kanak-kanak bercakap] dengan baguslah, biasanya dengan british banyakkan bangunan di Malaysia ni sumai sampai sekarang masih teguhkan. Jadi tujuannya ialah bangunan institusi kewangan tapi zaman jepun tahun sembilan belas empat puluh satu [1941] hingga sembilan belas empat

puluh lima [1945] jepun tawan tanah melayu jadi dia ambik alih bangunan itu sebagai markas kempi tai tentera jepun lah, kempi tai ini ialah tentera polis rahsia lah tentera jepun jadi rules [syarat] dia lain lah. Jadi rules [syarat] dia adalah sebagai jabatan atau pun penjara lah. Bila orang bersalah dia akan (--)

S : **Macam polis station [balai polis] lah ?**

Z : aah betul tapi polis station [balai polis] biasa untuk tangkap orang bersalahkan ini penjara dan diseksa jugak lah.

S : **Boleh tuan ceritakan mengenai Memorial Perang Bank Kerapu semasa pemerintahan Jepun?**

Z : okay masa jepun tu dia , tentera jepun buat sebagai markas kempi tai iaitu tentera rahsia dia untuk Kelantan lah [bunyi burung berkicauan] jadi masa tu komander dia nama leftenant Aizawa komander Kempe Tai Kelantan, dan dibantu oleh pegawai lain lah termasuklah orang tempatan dan dia ambil orang tempatan bekerja mungkin bekerja sebagai , orang cina pon ada untuk sebagai penterjemah bahasa, jadi masa itu tawanan orang jepun ini dia

suspek orang itu macam menentang jepun dia akan tangkap lah dan diseksa berbagai-bagai cara lah. Jadi tahun sembilan belas empat puluh dua [1942] hingga sembilan belas empat puluh lima [1945] zaman-zaman itu lah. Jadi dalam buku ini contohnya ada cerita Sudahkah

Kamu Bertemu Mariam? Oleh Jeneral Tan Sri Ibrahim, masa itu pon dia kena tawan jadi masa itu dia jadi kapten force ninety-six [96], jadi masa itu dia mendarat di Terengganu dekat Pulau Perhentian tapi dia dijumpai oleh tentera Jepun jadi dia kena tawan dekat sinilah. Jadi banyak kisah-kisah dia, gambar-gambar dia pon ada jadi baguslah kalau untuk tahu lebih banyak.

S : Buku ini diterbitkan bila ?

Z : ohhh buku ni dah lama dah oleh Dewan Bahasa dan Pustaka masa itu Kapten Ibrahim Muda lagi.

S : Sekarang dia masih hidup lagi lah ?

Z : tidak dia dah meninggal tapi dia jadi Jeneral tentera Malaysia lah last [akhir] sekali dia pemerintahan tentera tertinggi.

S : Adakah bangunan ini berfungsi sebagai bank semata-mata?

Z : umm bila dia banyak fasa lah, (ummm) yang pertama sebagai bank lah , jadi fasa kedua sebagai markas kempi tai Jepun masa perang dunia kedua , selepas perang habis dia guna balik sebagai bank jadi hingga tahun lapan puluh [80] an rasanya, jadi mercantile bank of india dia diambil alih oleh hongkong and [dan] Shanghai bank hingga tahun lapan puluh [80] an, dan lepas itu kerajaan Kelantan ambil sebagai balai seni lukis dan kraftangan tahun

Iapan puluh satu [81] tak silap sehinggalah dia buat sebagai memorial perang bank kerapu di Kelantan pada tahun sembilan belas sembilan puluh satu [1991] dan dirasmikan pada tahun sembilan belas sembilan puluh empat [1994].

S : Adakah bangunan ini dijadikan penjara, tempat siasatan, dan lain-lain aktiviti keganasan semasa zaman pemerintahan Jepun?

Z : betul lah , umm jepun ni suspek lah siapa dia yang menentang dia , ataupon sabotaj buat kesalahan masa dia kan jadi dia disoal siasat diseksa bermacam-macam caralah ada yang dipancung.

S : Semua kat situlah ?

Z : iyaa kat sanalah , kat belakang ada bilik kosong bilik itu dulu dia simpan wang bilik kebal dialah, jadi bilik kebal itu ditukar jadi sebagai bilik tahanan lah.

S : Benarkah terdapat bilik penyeksaan di sini semasa zaman pemerintahan Jepun?

Z : Ada , mungkin tingkat atas sekali pon ada jugak, satu bangunan lah dia ada dua [2] tingkat kan, tapi berdasarkan ceritanya yang betul-betul bersalah ni diseksalah tapi biasanya semua orang diseksa.

S : Yang tentang Jepun pon kena seksa ke?

Z : biasanya tentang Jepun lah, tapi dia kena ada maklumat dululah betul ka [atau] tidak.

S : Kena siasat dulu lah ?

Z : betul, tapi tak semestinya juga , dulu zaman Jepun orang tempatan nak balas dendam kawan dia ka, katakanlah ni cerita fake [palsu] story kawan dia tentang jepun, jepun tangkap diseksalah jadi kadang-kadang salah guna jugak lah oleh masyarakat tempatan untuk membalas dendam untuk kawan-kawan dia ada juga dulu kan macam-macam.

S : Bolehkah tuan ceritakan fungsi bangunan ini semasa pemerintahan British iaitu selepas kejatuhan Jepun?

Z : oh lepas diambil alih oleh British balik ?

S : Aah.

Z : lepas diambil oleh British balik dia berfungsi sebagai bank lah.

S : ohh berfungsi sebagai bank balik lah kembali jadi bank balik lah ?

Z : ya betul berfungsi sebagai Hongkong and [dan] Shanghai Bank, jadi dia lamalah berfungsi sebagai bank ni commercial [komersial] tahun enam puluh [60] an sehingga kalau tak silap.

S : Lebih kurang berapa tahun tu ?

Z : lebih kurang dua puluh [20] tahun, dua puluh tiga [23] tahun juga (Bunyi telefon jatuh) jadi sebagai bank commercial [komersial].

S : Apakah pembaharuan yang dilakukan ke atas Bank Kerapu semasa British mengambil alih?

Z : Pembaharuan ? mcam mana tu ?

S : Dari segi ubahsuai dia ? bangunan tu ada orang ubahsuai ke apa ke ?

Z : okay secara fizikalnya interior [rekabentuk] luaran dia takda ubah apa-apa sebab bangunan tu sangat kukuh dan dia tak perlukan maintenance [baik pulih] pun.

S : Dari segi interior [reka bentuk] design dalam dia ada ?

Z : Interior [reka bentuk] design dalam itu ada, yes [ya] sebabnya dia ubahsuai daripada bank hingga menjadi benda lain seperti benda lain.

S : Maksudnya ubah sikit lah?

Z ; banyaklah sebab bank fungsi dia untuk terima customer [pelanggan] kan , bila jadi galeri ni dia kena ubah seluruh lah, takda lah fungsi bank dulu. Tapi dalam yang baru ni banyak sangat lah dia buat perubahan yang baru oleh muzium negeri Kelantan ni [ini].

S : Adakah nama bank ini ditukar semasa British mengambil alih?

Z : Aaaa dari dia bertukar lah dari Mercantile Bank Limited kepada Shanghai bank. Sekejap
ehhh panas [hahaha].(S : takpa-takpa sekarang musim panas.)

S : Apakah kesan peperangan yang dapat dilihat di bangunan ini?

Z : kesan perang ? okay disana terdapat kesan-kesan perang yang kita cari dan letak kat
[dekat] sana lah, Aaaa saya secara researcher ataupon pengkaji sejarah saya pergi tempat
perang sendiri dan minta kerajaan Kelantan ambil artifak ini dan simpan di muzium prang
lah, contohnya telaga tentera british guna dan satu pokok kelapa yang terkena tembakan
masa jepun mendarat di Kota Bharu dulu ni, jadi saya minta disimpan di muzium ini lah,
disana dibelakang sana ada pokok dia berlubang yang ditembak oleh tentera Jepun. Tu
salah satulah, tapi artifak-artifak lain adalah dibalik dalam tu dia letak machine gun [mesin
menembak], senjata- senjata masa perang Jepun lah.

S : Berapa banyakkah bahan yang dipamer di Memorial Perang Bank Kerapu?

Z : okay dulu memang banyak lah, tapi bila ubahsuai sini tidak banyak sangat lah dia
kekurangan space[ruang] lah ruang sebab dia nak buat pameran baru, tapi kita buat tu lebih
menariklah, tapi lebih kuranglah artifak yang sama mungkin ada tambahan lagi.

S: Sehingga tahun ke berapakah Memorial Perang Bank Kerapu ini berfungsi sebagai bank?

Z : ohhh , jadi dia berfungsi sebagai bank ni [ini] saya rasa sehingga tahun lapan puluh [80] an lah akhir tahun lapan puluh [80] an lah sebabnya pada tahun sembilan belas sembilan puluh satu [1991] tu dia tukar jadi Balai Seni Lukis.

S : Berapa lama jadi Balai Seni Lukis tu ?

Z : tak lama , tahun sembilan puluh [90] kalau tak silap hingga tahun sembilan puluh empat [94] baru betul-betul jadi muzium perang balik

S : Kira kerajaan Negeri Kelantan dah ambik alih lah time [masa] tu ?

Z : Aaaa yes [ya].

BAHAGIAN 3: ASAL-USUL MEMORIAL PERANG BANK KERAPU

- S : Boleh encik ceritakan sikit asal-usul bangunan ini?
- Z : Asalnya bank. Dulu asalnya dibuat sebagai Merchantile Bank of India.
- S : Apakah yang mendorong mereka untuk tubuhkan Bank Kerapu dekat lokasi ini?
- Z : Okay Bank Kerapu ni, maksudnya Bank Kerapu adalah perkataan Kelantan sebenarnya Kerapu ini dinding menggerutu jadi bukan official name lah, nama rasmi aa jadi *masatu* [masa itu] Merchantile Bank of India dibina ni untuk tahun *sembilan belas dua belas* [1912] untuk pengurusan kewangan aa Kolonel British lah untuk pentadbiran, melancarkan lagi pentadbiran dan ekonomi British di Kelantan lah.
- S : Bagaimanakah tercetus untuk menamakan bangunan ini sebagai Bank Kerapu??
- Z : Sebenarnya orang Kelantan ni dia panggilan unofficial lah, biasanya dinding bangunan dia lincin kan? Tapi menggerutu ni orang panggil dia berkerapu. Mungkin tujuan dia buat macamtu aa mungkin tidak aa dulu cicak kan dia senang naik licin jadi bila buat macamni dia tak nak naik, mungkinlah. (ketawa kecil)

BAHAGIAN 4: REKA BENTUK MEMORIAL PERANG BANK KERAPU

S : Bagaimana tercetusnya reka bentuk bangunan ini?

Z : Aaa okay bangunan ni ialah zaman koloni British lah, jadi lain sikit dari bangunan biasa zaman Colony of British sebabnya dia lebih besar lagi, biasanya British building ni dia banyak column [tiang] dan dia macam lain sikit, tak banyak sebenarnya reka bentuk macam ini, yang pernah saya lihatnya ada di Selangor tak silap ataupon di Perak aaa dimana , aaa Tanjung Malim dia sama reka bentuk ni jadi tak banyak lah. Saya kurang pasti sebab apa dia bentuk macam ni beza sikit lah.

S : Siapakah yang mereka bentuk bangunan ini?

Z : Biasanya bangunan British Colony of British ni di design [reka] atau reka bentuknya dibuat oleh arkitek British di Singapore lah , Singapura mungkin aaa sapa [siapa] lupa nama mungkin ada orang india tak silap arkitek dia base di Singapore lah.

S : Apakah simbolik disebalik reka bentuk bangunan ini?

Z : simbolik kalau kiranya takda simbolik sangat bentuknya cuma fungsi dia sebagai muzium lah , muzium perang (bunyi bot).

S : Apakah keunikan Memorial Perang Bank Kerapu?

Z : keunikan dia eh, jadi dia banyak segi lah dari segi uniknya sejarah lah sebagai bank bangunan pertama yang dibuat dikelantan menggunakan batu dan fungsinya sekarang sebagai memorial peranglah sebabnya kita ni (bunyi bot) untuk sejarah bermulanya perang dunia kedua di tanah melayu di Kelantan jadi that why [sebab itu] lah kita ada memorial perang untuk mengingati baliklah (bunyi bot) zaman perang dulu, biarlah bermula dekat sini.

S : Apakah konsep seni reka bina bangunan ini?

Z : konsep reka bentuk lah ? (S : aaa reka bentuk dia) reka bentuknya ialah koloni of british lah (S : koloni british) tapi dia lain pada cara yang biasa (suara kanak-kanak) zaman british dulu banyak column yang ini dia takda column structure[struktur] dia (bunyi bot).

S : Apakah keistimewaan reka bentuk bangunan ini? (bunyi bot)

Z : okay dari segi reka bentuknya (bunyi bot) dia mungkin tahan lama sebabnya zaman british tu dah advance dah maju dengan teknologi buat bangunan yang sebeginu baik hingga sekarang boleh guna tanpa kerosakan apa-apa, maintenance pon paling minimum (bunyi bot) hanya dia cat sekali sekala ja untuk baik pulih, biasanya tak perlu (S: maksudnya kukuhlah?) kukuh sampai sekarang (bunyi bot).

S : Siapakah yang menyumbangkan idea dalam seni reka bangunan ini pihak British ke?

Z : Aaaaa arkitek British lah di Singapore.

S : Berapakah bajet untuk membina bangunan ini?

Z : Saya rasa saya tiada rekod yang specific [spesifik] tapi besar juga lah (bunyi bot) sebab bina

bangunan yang besar, bangunan yang paling besar di zaman tu [itu] hingga sekarang

besar juga kiranya (S: encik tau specific amount dia berapa) saya pernah cari juga (bunyi bot) tapi takda [tiada] rekod.

S : Bilakah bangunan ini dibangunkan sepenuhnya?

Z : Aaaa saya rasalah mengikut kajian saya dia disiapkan sepenuhnya pada tahun sembilan belas tiga puluh [1930] an walaupun dia tulis dekat sana sembilan belas dua belas [1912] tapi saya rasa dia baru beli tanah tahun sembilan belas dua belas [1912] dan mungkin bangunan lama tu dia buat dengan kayu mungkin ada yang dululah , yang baru ini (bunyi burung berkicauan) tahun tiga puluh [30] an lah ikut rekod yang saya bacalah dalam artikel dulu-dulu.

BAHAGIAN 5: KEJAYAAN MEMORIAL PERANG BANK KERAPU

S : Apakah kejayaan bangunan ini yang dapat dilihat sehingga hari ini?

Z : Kejayaan eh ? (S: iyaa) kejayaan dari segi tarikan pelancongan lah di Kelantan sebab dia adalah satu [1] muzium sejarah, dia dapat menarik pengkaji sejarah dan pelancong (S : ramai lah orang buat kajian pasal Memorial Perang) ramai biasanya student [pelajar] , peminat sejarah (bunyi bot) dan kadang-kadang tourist pelancong luar negara lah. (S : tourist [pelancong] datang encik lah yang guide [bombing] dia orang) tak juga, bila saya diperlukan saya datang lah (bunyi bot).

S : Apakah kejayaan yang paling memberi kepada Memorial Perang Bank Kerapu?

Z : Kejayaan yang memperbaiki kesan besar lah kan, jadi dengan lebih ramai kedatangan pelancong untuk melawat Memorial Bank Kerapu (bunyi bot) secara automatik lah ekonomi pon lebih lancar, pelancong tinggal kat sini , membeli belah sambil-sambil datang jadi yang benefit [kelebihan] nya orang tempatan sinilah, jadi itu yang kita nak , memajukan lagi ekonomi negeri Kelantan.

S : Berapa anugerah yang pernah diperolehi oleh Memorial Perang Bank Kerapu?

Z : saya rasa dia bukan anugerah tapi (S :macam pengiktirafan) pengiktirafan sebagai

bangunan warisan (bunyi bot) antara satu bangunan warisan di Malaysia lah. (S : pengiktirafan dunia ka [ke] Malaysia sahaja?) Malaysia sahaja tapi contoh lah saya tengok gambar ini (bunyi bot) yang saya ambil ni dia (bunyi bot) di iktiraf sebagai (S: tapak warisan dunia ka?) bukan tapak warisan dunia Kementerian Penerangan dan Komunikasi (bunyi bot) memberi bangunan Bank Kerapu ni sebagai warisan, di bawah Akta Warisan Kebangsaan dua ribu lima [2005] oleh jabatan warisan negara lah tahun dua ribu lima [2005]. (S: pengiktirafan dunia ada tak dari luar setakat ini?) dia takda official [rasmi] lagilah tapi bila ramai datang tu dia dikenali oleh orang luar negara dan researcher [pengkaji] sejarah.

S : Apakah sumbangan bangunan ini khususnya kepada Negeri Kelantan?

Z : Okay sumbangan yang paling besar dari segi tarikan pelancong (S: tarikan pelancong lah?) pelancongan dan educational [pendidikan] ni (S: untuk student [pelajar] buat kajian?) kajian dan biasanya dua tu lah paling utama. (S: selalu student [pelajar] dari mana ya yang buat kajian?) biasanya student [pelajar] tempatan kalau cuti sekolah kan atau pun (S: ipta lah?) semua ada kekadang kalau cuti sekolah rombongan sekolah dari seluruh Malaysia datang, sekolah rendah tapi yang lebih detailnya [teliti] biasanya IPTA lah.

S : Pernahkah Memorial Perang Bank Kerapu mendapat liputan media massa luar?

Z : Aaaa pernah, bila contohnya pemberita Jepun datang untuk tahu lebih banyak tentang sejarah perang Jepun dia akan melawat Bank Kerapu sebabnya wajiblah sebabnya

cerita tempat sejarah kan dan liputan media massa luar tu dokumentari pun ada pernah datang, kalau dalam negeri pun ada biasanya.

S : Pernahkah Memorial Perang Bank Kerapu didokumentarikan oleh mana-mana pihak?

Z : Didokumentarikan dalam media ? (S:iyaa) pernah lah contohnya dalam tv3 biasanya tv3 lah atau media tempatan lainlah.

S : Adakah bangunan ini banyak berjasa kepada pihak Jepun ketika perang?

Z : Berjasa kepada pihak Jepun ? (S: maksudnya macam banyaklah bagi bantuan sebagai Kempe Tai masa perang tu?) dia bukan berjasa, dia macam banyak memberi kesusahan kepada penduduk tempatan , tapi Jepun ni [ini] lebih kepada simbolik pendudukan Jepun di Tanah Melayu biasanya Kempe Tai lah , sebabnya dia adalah satu kumpulan yang digeruni oleh semua orang.

BAHAGIAN 6: HARAPAN

S : Apakah harapan encik terhadap Memorial Perang Bank Kerapu?

Z : Okay harapan sayalah sebagai ahli sejarah, pengkaji sejarah kita dapat belajar daripada sejarah lah tentang perang Jepun ini, sebabnya kita ini tempat lokasi pendaratan jepun pertama di Asia kan, jadi kita ni sepatutnya lebih naikkan sejarah kita (bunyi bot) contoh di Pearl Harbour seluruh dunia tau walaupun dia bukan yang pertama kalau ikutnya (bunyi bot) yang kedua, di Singapore contoh Muzium Fork Factory terkenal di seluruh dunia (bunyi bot) berkaitan dengan perang Jepun jugak [juga] sebab British menyerah kalah dekat sana dan berkaitan dengan perang Jepun jugak contoh di Thailand (bunyi bot) jadi dekat sana tiap-tiap hari orang pergi tengok sejarah perang (bunyi bot) jadi dari satu seginya dapat meningkatkan kadar ekonomi tempatan dan ekonomi pun lebih naik , jadi kita harapnya dengan ada nya muzium macam ni (bunyi bot) orang dapat melihat tempat asal perang Jepun dan belajar sejarah tentang pendudukan Jepun pertama, kena tarik orang macam itu lah untuk lebih mengetahui sejarah kita yang penting. Jadi harapan saya orang ramai akan selalu datang kesini dan lebih ramai orang yanag akan datang kesini untuk belajar sejarah perang Jepun.

S : Apakah harapan encik terhadap penambahbaikan Memorial Perang Bank Kerapu?

Z : Okay harapan saya ialah cara penambahbaikan cara ini lebih menarik lagi (bunyi bot) bila menarik dengan gambar banyak orang lagi dapat senang nak belajar dan mengingati sejarah contoh dari baca buku saja, jadi yang ini lebih berkesan lagi lah dengan cara presentation [pembentangan] lebih menarik, harapan saya untuk lebih menarik (bunyi bot).

S : Adakah encik berharap dengan tertubuhnya bangunan ini, secara tidak langsung dapat menambahkan lagi kedatangan pelancong ke Negeri Kelantan?

Z : Iya betul , saya rasa bila dinaiktaraf ni lebih ramai orang akan datang lah tambahan sebelum ni orang datang sebelum dinaiktaraf ni dia rasa banyak perlu dibaiki lah (bunyi bot) secara presentation [pembentangan] dengan maklumat, jadi saya dah check [memeriksa] balik biar lebih menarik supaya orang datang lebih puas hati lah, orang tempatan dan orang luar negara jadi kita ni sebagai pusat sumber maklumat bagi negeri Kelantan , dengan cara itu, dengan harapan ini Kelantan jadi pusat ilmu lah untuk research {kajian} sejarah.

S : Jika diberikan peluang, apakah yang akan encik lakukan untuk menarik minat orang ramai untuk mengunjungi Memorial Perang Bank Kerapu?

Z : Okay kalau saya diberi peluang saya akan membuat banyak lagi (bunyi bot) promosi melalui media sebab sekarang ni [ini] apa-apa yang dibuat di Kelantan kurang promosi (S:

kurang meluas la?) tak meluas cari promosi (S: dari media sosial pon kurang?) media social pon kurang kita pun harapnya blogger ke datang kat sini tengok sendiri dengan cara thru [melalui] media massa sekarang lebih berkesan lah, dengan harapan mereka akan lebih menceritakan tentang muzium kita ini (bunyi bot) because [sebab] cara itu paling berkesan dan kita pun boleh buat pelbagai cara facebook , cara youtube sekarang kan jadi cara ini murah dan ekonomikal dan berkesan. Saya rasa (S: kalau buat macam banner tu kan kos tinggi) iyaa kos tinggi dan sekarang ini tidak kesan lah, kalau banner untuk kawasan Kelantan saja boleh lah dan kalau luar Kelantan orang tak tahu (S: kalau luar Kelantan macam orang tak tahulah), iyaa sejarah Kelantan ni perang dunia kedua ni bukan untuk orang tempatan sahaja selalunya biasa nya, contoh pearl harbour seluruh dunia tahu padahaldia jauh di Hawai sana , macam mana ore [orang] boleh tahu, jadi kita kena ikut cara dia lah kalau di Amerika dia banyak media massa kan , jadi kita pun media massa kena main peranan (suara budak bercakap) yang penting contoh dia buat dokumentari dan artikel tentang perang ini lah dan dengan lebih banyak artikel dan kisah perang dalam buku orang akan berminat lagi untuk datang dan melihat muzium perang kita lah. (S: maksudnya cara promosi itu diorang kena improve [meningkatkan] lagi lah?) iyaa improve [meningkatkan] dari segi maklumat maksudnya bukan semata-mata muzium sahaja tentang perang dunia kedua, tapi overall [keseluruhan] maksudnya berkaitan dengan lokasi perang dahulu di Kelantan, tinggalan perang, kubu-kubu british kan. Jadi benda ini semua berkait lah, jadi orang datang sini bukan hanya tengok muzium tapi melawat tempat sejarah yang berlakunya perang di Kelantan ada banyak, tugu-tugu jepun ada lagi , jadi dia kena meluas lah saya harapnya semua bahan sejarah kita ini kita kena up lah, kita kena promot melalui media massa bukan hanya muzium Bank Kerapu. Jadi dengan cara kita buat ni contoh ada kubu dekat sana, jadi orang datang sini kita boleh

attract [tarik] diorang ke Muzium bank kearpu sebab nya lebih banyak maklumat yang berkaitan perang yang terdapat dekat sana.

S : Pihak muzium Negeri Kelantan sendiri apa kaedah yang mereka lakukan untuk promosikan Bank Kerapu?

Z: Biasa nya dia , dengan pengalaman saya lah dia hanya promosi secara terhad lah, mungkin kekurangan bajet atau atau kewangan buat banner macam itu lah, tapi sepatutnya bagi saya kita tengok contoh luar negara buat kerjasama dengan dokumentari untuk buat liputan sejarah Kelantan dan tanya orang lama-lama tentang perang Jepun jadi kita promosi dengan pelbagai cara lah. Tapi yang penting sekarang ini media elektronik paling penting sebabnya lagi meluas dan kalau terhad kurang orang tahu kan, kalau media sosial ni dari orang kecil sampai orang tua akan dapat atau terima maklumat

S : Kiranya muzium Negeri Kelantan ada tak kerjasama dengan Kementerian Pelancongan untuk mempromosikan Muzium Bank Kerapu?

Z : Iya ada , kalau lihat di Jabatan Kementerian Pelancongan Negeri Kelantan dia termasuklah, Bank Kerapu ini sebagai salah satu bangunan warisan sejarah untuk melawat di attractive [menarik] zon orang panggil, zon kebudayaan Negeri Kelantan termasuk dengan muzium Islam, Istana Jahar jadi orang boleh buat walking [jalan kaki] tour lah. Jadi dia senang nak

melawat lah (S: kebanyakan pelancong luar tu kan dari negara mana selain daripada Jepun?) ohhh biasanya dari England sebabnya dulu sejarah British kan (suara orang bercakap) dan biasanya Malaysia pun ramai. (S: kira compare [banding] pelancong luar dan pelancong tempatan mana yang lebih banyak?) Saya rasa luar lah sebabnya orang luar dia tahu sejarah perang because [sebab] dulu pun sejarah perang sini pun berkaitan dengan sejarah negara dia. Orang sini hanya tahu untuk akademik sahaja lah, untuk belajar, pelajaran untuk dapat gitu ja lah, tapi orang luar sebabnya datuk-datuk dia pun askar British.

S : Apakah inisiatif yang akan encik lakukan untuk menarik minat orang ramai untuk meminati sejarah?

Z : Ohh saya sendiri ke? (S: maybe[mungkin] macam ada bagi talk [ucapan] tak?) okay saya pernah buat talk [ucapan] di Kuala Lumpur, di KL tu [itu] tentang perang Jepun lah di Bandar Warisan lah dan ramai orang datang mendengar tentang sejarah perang Jepun di Kelantan dan saya pun buat melalui media lah, Tv [television] Tv3 datang dan akhbar pun journalist datang interview [temubual] saya bukan hanya tentang muzium, bukan hanya tentang sejarah tapi tentang artifak yang saya cari sendiri menggunakan metal [besi] detector [pengesan] di kawasan perang itu lah. (S: encik ada cari sendirilah?) aah buat sendiri, (S: buat secara sendiri kea tau berkumpulan?) saya pergi dalam kumpulan sejarah jadi mereka pun berminat jugak jadi kita sebagai group [kumpulan] kita selalu memainkan peranan media macam mana.

BAHAGIAN 7: SOALAN TAMBAHAN

S : Boleh tak encik ceritakan tentang kajian Memorial Perang Bank Kerapu yang encik buat tu ?

Z : Oh, saya sebagai *researcher* [pengkaji], saya buat pelbagai *research* [kajian] termasuk bila bangunan ini dibuat, melalui Arkib Negara dan arkib luar negara pon pergi cari maklumat apa yang berkaitan.

S : Arkib Negara banyak tak simpan maklumat pasal Memorial Perang Bank Kerapu?

Z : Tak banyak sangat, *overall* [keseluruhan] tentang perang saja. Tapi kita cari apa yang ada la dalam arkib ada cerita tentang Sultan Kelantan yang buka bank tahun 1950-an. Cerita tentang perasmian bank itu *direport* [dilaporkan] dalam akhbar harian tempatan di Tanah Melayu.

S : Kira dorang [mereka] simpan rekod dalam bentuk *newspapers* [surat khabar] je?

Z : Zaman dulu tidak banyak teknologi, jadi banyak guna artikel dan akhbar.

S : Selain dari kajian tentang Bank Kerapu, kajian tentang apakah lagi encik lakukan?

Z : Saya buat kajian khususnya Perang Jepun, bermula mendarat di Kota Bharu sampai British ke Singapura.

S : Sekarang ini, adakah encik ada menjalinkan kerjasama dengan Muzium Negeri Kelantan untuk mempromosikan Memorial Perang Bank Kerapu?

Z : Ada, sekarang ni saya dalam proses bekerjasama dengan Muzium Negeri Kelantan ambil saya sebagai *advisor* [penasihat] dan saya banyak juga memberi maklumat daripada bahan-bahan, gambar-gambar kepada Muzium Negeri Kelantan.

S : Sekarang ni dah berapa banyak kajian yang encik lakukan? Semua dibukukan ke?

Z : Sebenarnya lambat nak bukukan, proses dia banyak, makan masa. Kita tak banyak maklumat dan saya cari maklumat ini dari semua sumber rekod Jepun. Jepun ada rekod tapi masalahnya dalam bahasa Jepun, susah nak *translate* [terjemah] balik.

S : Sekarang dalam proses ke untuk siapkan buku?

Z : Ya dalam proses.

S : Sekarang Memorial Perang Bank Kerapu tengah ubahsuai, sudah lamakah diubahsuai? Berapa masa yang dorang [mereka] ambil untuk ubahsuai?

Z : Asalnya dia tutup setahun ada masalah teknikal, jadi lambat siap.

S : Bila dorang [mereka] start [mula] renovate [ubahsuai]?

Z : Tahun lepas rasanya, dijangka siap bulan ini. Mungkin dua [2] atau tiga [3] minggu lagi akan siap.

S : Apa yang diubah dalam tu dari segi *design* [reka bentuk] ke?

Z : Dari segi *interior design* [reka bentuk dalaman], ubah lebih luas lagi. Ubah cara penyusunan maklumat, gambar dan banyak lagi.

S : Dorang [mereka] akan refer [rujuk] encik Ia?

Z : Akan mintak advise [nasihat], tapi maybe [mungkin] tentang maklumat. Tapi kalau segi *design* [reka bentuk], Encik Ali.

S : Berapa kali muzium diubahsuai?

Z : Sebenarnya tak banyak. Sebelum ini dua kali dah, tapi kita kekurangan bajet jadi terhad. Ini pun nasib baik dapat bajet untuk buat ubahsuai.

S : Masuk muzium ni ada bayaran tak?

Z : Ada. Pelancong asing lebih sikit.

- S : Berapa boleh saya tahu?
- Z : Kalau untuk pelancong tempatan mungkin RM2.00. Pelajar boleh bagi diskaun untuk satu kumpulan. Itu kena tanya orang muzium.
- S : Muzium buka setiap hari ke macam mana?
- Z : Buka setiap hari kecuali jumaat
- S : Sebelum kedatangan British, Kelantan ada institusi kewangan dia sendiri tak?
- Z : Sebelum kedatangan British ada. Kelantan dulu ada buat duit sendiri, mata wang sendiri dipanggil pitis. Ini adalah mata wang negeri Kelantan, jadi kerajaan Kelantan masa tu dah ada kemampuan hasilkan duit sendiri.
- S : Kiranya macam encik sorang je yang ada knowledge [pengetahuan] pasal Memorial Perang Bank Kerapu? Selain encik, siapa lagi?
- Z : Orang muzium lama dah pencen, jadi orang peringkat baru ini tak tahu sangat Because [kerana] tak dapat maklumat banyak dan untuk tahu lebih banyak tu saya rasa orang yang minat sejarah di Kelantan ni kumpulan saya. Saya dan beberapa ahli lain buat kajian jadi mereka ini tahu serba sedikit.

S : Memorial Perang Bank Kerapu ini merupakan binaan yang pertama ke dekat Kelantan yang menggunakan batu?

Z : Ya, sebelum ini dia guna kayu. Jadi ini lebih kukuh.

S : Bangunan ini pernah digunakan sebagai Memorial Perang Dunia Kedua pada tahun 1992 kan?

Z : Ya betul.

S : So [jadi] sekarang ini Memorial Perang Bank Kerapu ada pameran bahan lebih pada seribu [1000] ke sekarang ni macam kurang sikit?

Z : Sebenarnya seribu [1000] tu terlalu optimistik, maksudnya termasuk gambar mungkin seribu [1000] artifak. Rasanya tak sampai.

S : Kira semua bahan yang dipamerkan ini berkaitan dengan perang je?

Z : Buat masa sekarang berkaitang dengan perang, tapi dulu tingkat atas berkaitan dengan sejarah awam awal Negeri Kelantan. Dulu tingkat atas buat pameran macam Perasmian Jambatan Sultan Ismail iaitu zaman Kelantan moden.

S : Kiranya Memorial Perang Bank Kerapu pernah dijadikan sebagai Dewan Kraftangan ke?

Z : Ya, dia dijadikan sebagai Dewan Kraftangan dan Balai Seni Lukis.

S : Berapa lama?

Z : Dalam tahun akhir 80-an. Tak lama sangat. Jadi orang akan belajar lukis lukisan kat sana.

S : Kiranya Memorial Perang Bank Kerapu memang bangunan unik di Kelantan kalau pelancong datang sini memang dorang [mereka] akan datang sini kan?

Z : Yes [ya], unik dari segi binaan menarik dan unik dari segi sejarah. Kelantan ini tempat mula-mula Jepun mendarat. Jadi keunikan kepada Kelantan.

S : Kiranya bila Jepun datang Malaysia jajah negara kita, banyak bagi kesan buruk ke baik dari segi pemerintahan?

Z : Pelbagai kesan tak boleh dielakkan. Buruk baik kita kena terima semua sebab buruk ni memperbaiki dan memberi kesedaran kepada kita sebenarnya. Kesedaran dari segi kita takmau [jangan] jadi lemah lagi ikut penjajah British. So [jadi] kita kena ada jati diri kita

sendiri sebagai rakyat Malaysia. Kita lebihkan semangat kita untuk cintakan negara.

S : Selain daripada Encik buat kajian, minat sejarah Jepun, ada lagi tak selain daripada itu macam British ke?

Z : Ada jugak. Tapi lebih banyak kepada Jepun sebab di Kelantan ini banyak kepada Jepun. Kita tak mahu belajar dari segi buku saja, kita kena pergi tengok sendiri benda tu baru kita faham. Nilai kemanusiaan tu ada lagi dan kita dapat relate [kaitkan]. Lebih dekat kita rasa dengan sejarah. Buku banyak maklumat tapi kurang mendalam.

S : So [jadi] encik ada buat kajian jugak kea tau kajian encik hanya fokus kepada Jepun?

Z : Saya kena buat tentang British juga. Kena tahu asal-usul sebab apa British datang ke Kelantan. Dia berkaitan, jadi kita tahu di mana British berada di Kelantan, cari bahan mentah contohnya cari emas di Kuala Krai. Jadi kita tahu British ni dah tahukekayaan kita. Orang kita sendiri pun tak ambik kesempatan.

S : Kiranya Jepun eksplotasi bahan mentah dan semua sumber?

Z : Ada, sama juga British. Jadi dia tahu nilai kekayaan negeri Kelantan, takda [tak ada]

teknologi, tak boleh nak usahakan. Tapi sebenarnya walaupun begitu, indirectly [secara tidak langsung] dia memberi kesan yang baik juga kepada kita. Contoh dia buat jalan raya, laluan apa-apa produk kita dia buat pelabuhan. Jadi, dari segi infrastructure [infrastruktur] boleh guna lagi sekarang.

S: **So [jadi] masa pemerintahan Jepun tu kan bangunan Memorial Perang Bank Kerapu tu satu itu saja ka muzium dekat situ kan dekat sini banyak jugak muzium lain dekat-dekat macam Muzium Islam? masa itu kiranya Memorial Perang Bank Kerapu je ke yang ada kat situ atau pun yang lain dah ada?**

Z: Masa Jepun tu contoh macam bangunan jabatan Kastam sebelum yang baru ini bangunan lama digunakan oleh tentera laut Jepun jadi ada kaitan jugak lah kawasan-kawasan sekitar sini tentang pendudukan jepun lah Cuma ini bangunan baru jadi takda sejarah lah dulu ada sejarah dia.

S: **so [jadi] masa dibina ni kiranya semua itu dah ada lah?**

Z: ohh dah ada dah. Kawasan ini sebenarnya adalah kawasan Heritage [sejarah] zon, zon kebudayaan jadi bangunan ini atleast [sekurangnya] dah seratus [100] tahun lah macam istana jahar dibina pada lapan belas empat puluh empat [1844] jadi kawasan ini dah beratus tahun dibina sebagai bangunan lama.

S: so [jadi] diorang bina bank tu dekat tengah-tengah bandar sebab kawasan ini strategik lah?

Z: dia ini bukan berkaitan dengan bandar, dulu di kelantan tidak ada jalan darat, tidak banyak because [sebab] sebelum itu tiada kenderaan kan, so [jadi] nya banyak gunakan jalan laut lah contohnya jeti ini bila orang luar datang sampai dekat sini dia akan sampai dekat bank kerapu lah sebabnya senang dia nak buat urusan kewangan dia.

S: kiranya memorial perang bank kerapu terletak didalam ruang budaya lah maksudnya dalam kawasan bangunan bersejarah dekat situ kan?

Z: yaa zon budaya lah. Sebabnya dulu ni pusat perkembangan kota bharu lah dia berkembang sekitar tahun lapan belas empat puluh an [1840] mula-mulanya jadi ada masjid, istana jahar dan muzium islam.

S: Kira agak strategik jugak lah kawasan dia sebab dia berdekatan dengan bandar dan tak sampai 1km [kilometer] pon kan?

Z: yaa iyaa dan yang stategiknya dulu ia jalan perhubungan sungai dulu.

S: Kiranya dekat dengan sungai jugak lah dan laluan bas?

Z: sekarang? ahh kalau sekrang tak jauh sangat kalau berhenti dekat kota Bharu disebelah masjid itu bas pelancong berhenti sana dia jalan kaki lah.

S: Kira dekatlah kalau jalan kaki?

Z: iyaa dekat saja. Jadi sini boleh dibuat tempat walking tour.

S: Jadi untuk bulan puasa ini encik akan kurangkan aktiviti luar ka?

Z: saya bulan puasa ini kena siapkan muzium bank kerapu.

S: Sebab haritu pihak muzium cakap dah nak siap dah.

Z: nak siap dah tapi kena continue [teruskan] balik jadinya dia akan buka bulan lima [5] ahad ni, malam itu saya kena pergi cek balik maklumat dan masa ahad itu mungkin dah start puasa lah. Tapi tak lama lah dalam bulan puasa itu mungkin dalam beberapa hari atleast [sekurangnya] seminggu itu.

S: Dah hampir siap lah?

Z: iya dah hampir siap sebab dia ada fasa petama kita siapkan untuk buka balik dan untuk fasa kedua ini kita kena siapkan lain-lain lagi dan tambahan lah, yang itu mungkin dua [2] bulan lagi selepas itu lah.

S: So [jadi] bila dah siap sepenuhnya akan ada perasmian semula ke macam mana?

Z: bergantung kepada orang muzium lah.

S: Apa yang membuat diorang mengubah suai balik bangunan itu sebab interior design dalam itu dah lama ka macam mana?

Z: saya pun kurang tahu sebab ini kan kerja orang muzium tapi bagi saya dia ada rasa perlu untuk dibaiki renovation [ubahsuai] lebih menarik lagi.

S: Maybe [mungkin] bahan-bahan tu diorang nak susun bagi lagi cantik dan tersusun ka [ke]?

Z: aah lagi cantik dan tersusun sebelum ini sepuluh tahun [10] tahun dulu kurang menariklah dan kita pun baca komen dalam media social dan facebook dia komen bawah itu perlukan penambahbaikan lagi cara management [pengurusan] atau pun display [pamer].

S: Kan dekat situ bahan-bahan yang dipamerkan ialah bahan lama kan macam mana diorang membaik pulih balik bahan-bahan itu?

Z: biasanya dia ad acara dia lah terutama besi-besi lama dia kena cat balik dia kena anti-rust sebab tak mahu dimakan karat sebab kalau dimakan karat habislah bahan sejarah.

- S: so [jadi] siapa yang bertanggungjawab pihak muzium ke?
- Z: muzium dia ada bahagian conservation [pemuliharan] sendiri lah mereka diajar untuk menjaga bahan-bahan lama, kalau perlu baiki dia ada orang untuk baiki lah.
- S: Kiranya kalau macam dalam bentuk artikel atau dokumen diorang letak dalam frame [bingkai] ke macam mana kalau tulisan-tulisan dah tak nampak atau dimakan anai-anai?
- Z: untuk itu dia ada cara lain lah dia ada bahan kimia untuk preserve lah untuk tidak buruklah.
- S: Kiranya semua tulisan itu masih jelas lah boleh di tengok?
- Z: haa boleh kalau kita apply [sapu] chemical [kimia] itu dia masih boleh tengok lagi dan tak rosak lah. Tapi yang penting bagi saya lah ialah besi senjata-senjata api tentera British dan Jepun.
- S: So [jadi] kalau muzium itu ditutup penghawa dingin itu 24 jam dibuka ka untuk protect [lindungi] artifak-artifak dalam itu?
- Z: saya rasa yang baru ini mungkin hawa dingin lah sebab sebelum ini tiada dan rasanya tak perlu 24 jam lah.

- S: So [jadi] kalau kita ke muzium itu ada person in-charge ke akan guide [bimbang] atau kita tengok sendiri pameran itu?
- Z: saya rasa buat masa sekarang ini self guide [sendiri] lah sebab orang dia pon bukan yang tetap dia hanya pakai kerani dan dia pun tak banyak tahu pasal ini dan dia selalu rotate [pusing] jugak.
- S: So kiranya sepanjang proses pengubah suaian muzium ni kan ada tak dapat kunjungan dan call [panggilan] bertanya kenapa ditutup?
- Z: ada sepanjang ditutup ini semua orang bertanya dan tertanya kenapa ditutup terutamanya pelancong lah sebabnya atineary ke kelantan yang wajib ialah muzium.
- S: Sebab dia take time [ambil masa], makan masa juga kan untuk renovate [ubah-suai]?
- Z: iyaa take time [ambil masa] juga lah sebab dia banyak dan rumit berbanding yang lain.
- S: So [jadi] dari segi bajet pihak muzium dapat dari mana ya?
- Z: itu biasa nya kerajaan kelantan dah bagi bajet lah tapi biasanya tak besar lah jadi sebab itu lah dia tak boleh buat banyak.
- S: Kiranya dalam zon budaya ini kan kerajaan Negeri Kelantan banyak beri perhatian kepada muzium yang punya tarikan yang banyak ke?

Z: bagi saya lah yang saya tengok ramai orang pergi ke istana jahar sebabnya ia cantik dari segi seni bina dia traditional dan antara ukiran yang tercantik di Malaysia pun dekat sana jadi kebudayaan dan sejarah itu lah tempat tumpuan orang ramai.

S: **Kiranya Bank Kerapu ni tumpuan orang ramai lah tapi Istana Jahar lebih lagi?**

Z: iyaa lebih lagi sebabnya bila tarikan yang menarik dan dia banyak keaslian Negeri Kelantan sendiri jadi orang pergi tengok yang ini lah.

S: **So [jadi] encik memang fokus dengan bank kerapu lah dan untuk muzium lain encik kurang sikit lah knowledge [pengetahuan]?**

Z: sebenarnya kita sebagai pemandu pelancong kita kena tahu semua.

S: **Jadi tentang sejarah Kelantan encik tahu semua lah?**

Z: banyak berkaitan muzium lah di kawasan sini dan yang di Kota Bharu lebih kepada Pameran yang ada tema-tema lah. Di Kota Bharu dan Muzium Kuala Krai ada satu [1] lah.

S: **Selain Negeri Kelantan encik selalu jadi tour guide [pemandu pelancong] dimana lagi yang banyak pelancong seperti Pulau Pinang ada?**

Z: Pulau Pinang ada.

S: Melaka?

Z: Melaka pon ada sebab itu tempat wajib macam A-Famosa dan kalau Terengganu yang menariknya dia satu [1] tempat yang besar kan dan pameran boleh tengok.

S: Kiranya pelancong banyak dari luar lah yang encik bawa atau dari Kuala Lumpur ada?

Z: tak sangat dari Kuala Lumpur pon ada dia banyak tentang kebudayaan dan sejarah.

S: Kira encik ada belajar bahasa lain jugak ke?

Z: ada bahasa jepun tapi basic [asas] Jepun.

S: Medium apa yang encik guna untuk belajar maksudnya encik ada gunakan buku or [atau] kamus untuk belajar?

Z: saya masuk kelas.

S: Kira sekarang encik masuk kelas lagi lah?

Z: dulu one [1] year dulu tapi dia agak susah lah sebab dia guna tiga [3] jenis skrip dan tulisan dia sendiri.

S: Masa encik bekerja di bsn encik ada tak buat part time [separuh masa] sebagai tour guide [pemandu pelancong] untuk side income [pendapatan sampingan]?

Z: ada buat tapi tak formal [rasmi] untuk kawan-kawan sahaja dan kenalan lama.

S: Kiranya encik bersara awal lah?

Z: iyaa betul saya bersara pada umur empat puluh lima [45] tahun.

S: Kira dari sekolah encik memang minat sejarah ke?

Z: dari dulu saya minat sejarah tapi time [masa] sekolah ianya limited [terhad] sbb kita hanya belajar berdasarkan buku dan ia limited [terhad].

S: Maksudnya encik ada dapat pendedahan dari mana-mana pihak tak masa kecil?

Z: okay saya kecil dapat pendedahan dari ibu-bapa saya sebab mereka hidup pada zaman Pemerintahan Jepun.

S: Ada tak anak saudara encik yang minat sejarah?

Z: ada sebab dia tahu datuk dia pun hidup pada zaman itu.

S: Ouh saya pun pernah ke kubu perang di Batu Maung pada masa kecil?

- Z: ouh dari Penang ke?
- S: Eh tak saya dari Kedah.
- Z: ouh yaka [iya ka] dekat Kedah banyak juga kubu-kubu bersejarah dan saya pernah ke Jitra tengok kubu-kubu disana.
- S: Kiranya encik buat kajian tu dimana?
- Z: di Machang Labok disana di belakang Sekolah Sains Machang disana tu dulu belakang tu airport dulu.
- S: Kiranya staf-staf di Bank Kerapu Tu pernah bagitahu tak tempat tu agak scary [menakutkan]?
- Z: setakat sekarang saya bertanya tak pernah lagi diorang bagi tahu.
- S: Bila encik ada jumpa bahan-bahan artifak ada tak muzium bayar untuk artifak-artifak yang encik jumpa?
- Z: kalau sebelum ini tiada saya hanya donate [derma] ke muzium tapi selepas ini mungkin saya akan ambil bayaran sedikit untuk penat lelah saya kesana-kesini.
- S: Setakat itu saja soalan dari saya.
- Z: okay.

S: *Demikian tadi temubual sejarah Memorial Perang Bank Kerapu bersama Encik Zaffrani bin Ariffin, kami mengucapkan jutaan terima kasih diatas kesudian beliau dalam memberikan maklumat mengenai sejarah Memorial Perang Bank Kerapu dan semoga rakaman ini akan memberikan manfaat kepada pendengar, penyelidikan dan generasi akan datang, sekian terima kasih.*

Tamat bahagian 7

PENUTUP

LAMPIRAN

Lampiran A

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh **Salwa Binti Mohd Isa** dan **Nur Fatin Farisha Binti Othman** bersama **Encik Zafrani Bin Ariffin** mengenai sejarah **Memorial Perang Bank Kerapu** yang ditubuhkan pada tahun 1912. Temubual ini dijalankan di _____ pada ____ Mei 2019.

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

1. Assalamualaikum, boleh tuan ceritakan serba sedikit mengenai diri encik?
2. Apakah nama penuh encik?
3. Apakah nama gelaran encik?
4. Apakah pekerjaan encik sekarang?
5. Bagaimanakah encik boleh memilih pekerjaan ini?
6. Sudah berapa lama encik berkecimpung dalam bidang ini?
7. Adakah encik ada melakukan apa-apa pekerjaan selain sebagai freelance?
8. Adakah encik mendaftar dengan mana-mana organisasi sebagai freelance?
9. Sebelum menjadi freelance, pekerjaan apakah yang encik lakukan?
10. Dimanakah encik menjadi “tour guide”?
11. Boleh saya tahu berapa usia encik sekarang?
12. Boleh ceritakan sedikit mengenai tempat kelahiran encik?
13. Dari mana encik berasal?
14. Boleh encik ceritakan latar belakang pendidikan tuan?
15. Di manakah encik menetap sekarang?
16. Berapakah bilangan ahli keluarga dan encik anak yang ke berapa?
17. Adakah ibu bapa encik masih ada sekarang ini?
18. Apakah nama bapa encik?
19. Nama ibu pula?
20. Dari manakah ibu bapa encik berasal?
21. Boleh encik ceritakan serba ringkas tentang ibu bapa encik?
22. Apakah pekerjaan mereka?
23. Apakah status encik?
24. Bolehkah encik ceritakan sedikit latar belakang keluarga encik? Termasuk adik-beradik tuan, adakah mereka masih belajar atau sudah bekerja?
25. Ada adik-beradik encik yang mengikut jejak langkah encik mendalami sejarah?
26. Dimanakah encik bersekolah rendah?

27. Sekolah menengah pula?
28. Selepas tamat persekolahan menengah, di mana encik melanjutkan pelajaran?
29. Ada tak kenangan manis atau pahit encik ketika zaman persekolahan dahulu?
30. Apakah pencapaian tertinggi encik? Pernah mendapat sebarang anugerah atau menyertai apa-apa pertandingan?
31. Apakah hobi encik pada masa lapang?
32. Apa cita-cita encik ketika kecil?
33. Siapakah idola encik sekarang?
34. Adakah encik begitu meminati bidang sejarah?
35. Sejak usia berapa encik meminati bidang sejarah?
36. Bagaimanakah encik menanam minat untuk mendalami tentang sejarah ini?
37. Apakah yang mendorong encik menjurus minat ke arah ini?
38. Adakah encik pernah mendapat pengiktirafan dari mana-mana pihak?
39. Apakah matlamat hidup encik sekarang?
40. Sebelum ini, adakah encik pernah ditemuramah oleh mana-mana pihak?
41. Adakah pelajar juga?

BAHAGIAN 2: SEJARAH MEMORIAL PERANG BANK KERAPU

42. Boleh encik ceritakan serba sedikit tentang sejarah Memorial Perang Bank Kerapu?
43. Apakah nama awal bangunan ini?
44. Nama terkini bangunan ini?
45. Mengapakah bangunan ini diberi nama Memorial Perang Bank Kerapu?
46. Dimanakah bangunan ini terletak?
47. Mengapakah Kota Bharu dipilih untuk membina bank ini?
48. Siapakah yang membangunkan tapak ini sehingga menjadi bank?
49. Bilakah bangunan ini ditubuhkan?
50. Berapakah tempoh masa yang diambil untuk membina bangunan ini?
51. Bilakah bangunan ini diambil alih oleh Muzium Negeri Kelantan?
52. Apakah matlamat utama penubuhan Memorial Perang Bank Kerapu?
53. Adakah Bank Kerapu merupakan bank yang pertama di Kelantan?
54. Berapa kali bangunan ini diubahsuai?
55. Pada tahun bilakah ia diubahsuai?
56. Bilakah bangunan ini dirasmikan?

57. Siapakah yang merasmikan?
58. Apakah tujuan pembinaan bangunan ini?
59. Adakah ada timbul sebarang masalah semasa pembinaan bangunan ini?
60. Bagaimanakah peralihan fungsi bangunan ini?
61. Boleh tuan ceritakan mengenai Memorial Perang Bank Kerapu semasa pemerintahan Jepun?
62. Adakah bangunan ini berfungsi sebagai bank semata-mata?
63. Adakah bangunan ini dijadikan penjara, tempat siasatan, dan lain-lain aktiviti keganasan semasa zaman pemerintahan Jepun?
64. Benarkah terdapat bilik penyeksaan di sini semasa zaman pemerintahan Jepun?
65. Benarkah Memorial Perang Bank Kerapu berfungsi sebagai ibu pejabat Kempai Tai, pejabat rahsia polis Jepun?
66. Bolehkah tuan ceritakan fungsi bangunan ini semasa pemerintahan British iaitu selepas kejatuhan Jepun?
67. Apakah pembaharuan yang dilakukan ke atas Bank Kerapu semasa British mengambil alih?
68. Semasa British memerintah, adakah bangunan ini dijadikan bank semula?
69. Adakah nama bank ini ditukar semasa British mengambil alih?
70. Apakah kesan perang yang dapat dilihat di bangunan ini?
71. Sehingga tahun ke berapakah ia berfungsi sebagai bank?
72. Apakah bahan-bahan yang dipamerkan di Memorial Perang Bank Kerapu?
73. Berapa banyaknya bahan yang dipamer di Memorial Perang Bank Kerapu?

BAHAGIAN 3: ASAL-USUL MEMORIAL PERANG BANK KERAPU

74. Boleh tuan ceritakan asal-usul bangunan ini?
75. Siapakah pemilik tapak asal bangunan ini?
76. Apakah yang mendorong mereka untuk menubuhkan Bank Kerapu di lokasi ini?
77. Bagaimanakah tercetus untuk menamakan bangunan ini sebagai Bank Kerapu?

BAHAGIAN 4: REKA BENTUK MEMORIAL PERANG BANK KERAPU

78. Bagaimana tercetusnya reka bentuk bangunan ini?
79. Siapakah yang mereka bentuk bangunan ini?
80. Apakah simbolik disebalik reka bentuk bangunan ini?
81. Apakah keunikan Memorial Perang Bank Kerapu?
82. Apakah konsep seni reka bina bangunan ini?
83. Apakah keistimewaan reka bentuk bangunan ini?
84. Mengapakah dikatakan istimewa?
85. Siapakah yang menyumbangkan idea dalam seni reka bangunan ini?
86. Berapakah bajet untuk membina bangunan ini?
87. Bilakah bangunan ini dibangunkan sepenuhnya?

BAHAGIAN 5: KEJAYAAN MEMORIAL PERANG BANK KERAPU

88. Apakah kejayaan bangunan ini yang dapat dilihat sehingga hari ini?
89. Apakah kejayaan yang paling memberi kepada Memorial Perang Bank Kerapu?
90. Berapa anugerah yang pernah diperolehi oleh Memorial Perang Bank Kerapu?
91. Apakah sumbangan bangunan ini khususnya kepada Negeri Kelantan?
92. Pernahkah Memorial Perang Bank Kerapu mendapat liputan media massa luar?
93. Pernahkah Memorial Perang Bank Kerapu didokumentarikan oleh mana-mana pihak?
94. Pernahkah Memorial Perang Bank Kerapu mendapat pengiktirafan sama ada di dalam Malaysia atau dunia?
95. Adakah bangunan ini banyak berjasa kepada pihak Jepun ketika perang?

BAHAGIAN 6: HARAPAN

96. Apakah harapan encik terhadap Memorial Perang Bank Kerapu?
97. Apakah harapan encik terhadap penambahbaikan Memorial Perang Bank Kerapu?
98. Adakah encik berharap dengan tertubuhnya bangunan ini, secara tidak langsung dapat menambahkan lagi kedatangan pelancong ke Negeri Kelantan?
99. Jika diberikan peluang, apakah yang akan encik lakukan untuk menarik minat orang ramai untuk mengunjungi Memorial Perang Bank Kerapu?

100. Apakah inisiatif yang akan encik lakukan untuk menarik minat orang ramai untuk meminati sejarah?

BAHAGIAN 7: SOALAN TAMBAHAN

101. Adakah Tuan ada membuat kajian tentang bangunan ini?
102. Jika ya, boleh tuan ceritakan serba sedikit?
103. Selain tentang bangunan ini, kajian tentang apakah lagi yang dilakukan oleh encik?
104. Sekarang ini, adakah tuan ada menjalinkan kerjasama dengan Muzium Negeri Kelantan untuk mempromosikan Memorial Perang Bank Kerapu?
105. Betulkah encik amat meminati tentang sejarah pemerintahan Jepun di Tanah Melayu?

Demikian tadi temubual mengenai sejarah Memorial Perang Bank Kerapu bersama Encik Zafrani Bin Ariffin. Kami mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian beliau dalam memberikan maklumat mengenai sejarah Memorial Perang Bank Kerapu. Semoga hasil rakaman ini akan memberi manfaat kepada pendengar, penyelidik dan generasi akan datang. Sekian.

LOG WAWANCARA

LOG WAWANCARA

Berikut merupakan temubual secara lisan yang telah dijalankan oleh Salwa Binti Mohd Isa dan Nur Fatin Farisha Binti Othman dari UiTM [Universiti Teknologi Mara Cawangan Kelantan Kampus Machang], bersama Encik Zafrani Bin Datuk Mohd Ariffin mengenai sejarah Memorial Perang Bank Kerapu yang ditubuhkan pada tahun 1912. Temubual ini dijalankan di Menara Tinjau, Kota Bharu pada 4 Mei 2019 pada jam 11.30 pagi.

| Masa | Perkara yang Dibincangkan | Nama/ Tempat Rujukan |
|------------------------|-------------------------------------|--|
| 0:00:00 – 00:13:26 | Latar Belakang Tokoh | En Zafrani Ariffin |
| 00:13:27 – 00:31:40 | Sejarah Memorial Perang Bank Kerapu | En.Zafrani Ariffin |
| 00:31:40– 00:36:00 | Asal-Usul | <ol style="list-style-type: none">1. Asalnya bank. Dulu asalnya dibuat sebagai Merchantile Bank of India.2. Dibina pada tahun sembilan belas dua puluh [1920] dan bangunan batu pertama di Kelantan |
| 00:36:01– 00:38:26 | Reka Bentuk | <ol style="list-style-type: none">1. Bangunan ni ialah zaman koloni british lah, jadi lain sikit dari bangunan biasa bangunan2. Dari segi uniknya sejarah lah sebagai bank bangunan |

| | | |
|-----------------------|-----------------|--|
| | | pertama yang dibuat dikelantan menggunakan batu dan fungsinya sekarang sebagai memorial perang! |
| 00:38:26– 00:43:21 | Kejayaan | <ol style="list-style-type: none"> 1. Dengan lebih ramai kedatangan pelancong untuk melawat Memorial Bank Kerapu (bunyi bot) secara automatik lah ekonomi pon lebih lancar. 2. Pengiktirafan sebagai bangunan warisan antara satu bangunan warisan di Malaysia |
| 00:43:21– 00:54:19 | Harapan | <ol style="list-style-type: none"> 1. dapat belajar daripada sejarah lah tentang perang Jepun ini Kemudahan pengangkutan 2. Dapat menarik minat pelancong untuk berkunjung ke bank keapu |
| 00:54:19– 02:02:45 | Soalan Tambahan | <ol style="list-style-type: none"> 1. Kerjasama muzium dan kerajaan negeri Kelantan |

- | | | |
|--|--|--|
| | | <ul style="list-style-type: none">2. Cara mempromosikan Bank Kerapu3. Inisiatif untuk menarik lebih ramai pelancong |
|--|--|--|

DIARI KAJIAN

DIARI KAJIAN

| MASA | TARIKH | TINDAKAN | CATATAN |
|-------------------------------|-----------------|--|--|
| 10.00 am- 12.00pm | 25 Mac 2019 | Mencari maklumat mengenai bangunan bersejarah di negeri Kelantan melalui internet | Banyak hasil pencarian mengenai bangunan tertua di Kelantan. |
| 10.00 am- 11.00 am | 29 Mac 2019 | Mencari maklumat mengenai individu yang boleh ditemui bual mengenai sejarah bangunan Memorial Perang Bank Kerapu | Sukar mendapat maklumat berkenaan nombor telefon individu tersebut |
| 2.30 pm- 4.00 pm | 3 April 2019 | Pergi ke Memorial Perang Bank Kerapu untuk mencari individu yang boleh ditemui bual | Mendapat nombor telefon pihak Muzium Negeri Kelantan kerana Memorial Perang Bank Kerapu masih dalam proses pengubahsuaian. |
| 3.10 pm- 5.00 pm | 3 April 2019 | Pergi ke Muzium Negeri Kelantan untuk bertemu dengan individu yang dimaksudkan | Pihak Muzium Negeri Kelantan mencadangkan untuk menemubual Encik Zafri, Pemandu Pelancong dan memberikan nama Facebook beliau untuk berurusan dengannya. |

| | | | |
|------------------------------|------------------|---|--|
| 2.00 pm | 5 April 2019 | Menghubungi Encik Zafrani | Beliau bersetuju untuk ditemu bual |
| 11.00 pm | 22 April 2019 | Mendapatkan persetujuan dan pengesahan pensyarah mengenai bangunan yang dipilih | Mendapat kelulusan daripada pensyarah |
| 9.00 am- 2.00 pm | 23 April 2019 | Buat soalan berkenaan tajuk temu bual | Mendapat kelulusan daripada pensyarah |
| 2.00 pm- 4.30 pm | 27 April 2019 | Pergi ke Memorial Perang Bank Kerapu mengambil gambar bangunan | Mengambil gambar bangunan dari luar sahaja kerana masih dalam proses pengubahsuaian. |
| 4.00 pm | 1 Mei 2019 | Menghubungi Encik Zafrani untuk pengesahan tarikh untuk kali kedua | Tiada perubahan tarikh atau tempat |
| 9.00 am | 4 Mei 2019 | Menghubungi Encik Zafrani sebelum bertolak ke Kota Bharu | Bertanya lokasi untuk mengadakan temubual |
| 10.00 am | 4 Mei 2019 | Bergerak ke Menara Tinjau, Kota Bharu | Kesukaran mencari lokasi |
| 11.30 am- 1.30 am | 4 Mei 2019 | Sesi temu bual mengenai sejarah Memorial Perang Bank Kerapu | Temu bual berjalan lancar |

| | | | |
|-----------------|-------|-------------------------|-------------------------------|
| 1.35 pm- | 4 Mei | Penyampaian cenderahati | Mengambil gambar bersama-sama |
| 1.45 pm | 2019 | | |



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan En Zaffrani Aviffin..... Pada 2/6/19.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk ~~memelihara pita~~ rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat:
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh).
Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

Pengisah (Tokoh)

KetuaPusat Pengajian
Fakulti Pengurusan Maklumat,
Fakulti Sains Pentadbiran dan
Pengajian Polisi & Fakulti Undang-
Undang, UiTM Caw. Kelantan

LAMPIRAN 1



Gambar 1: Gambar bersama Encik Zafrani Ariffin di tempat temu bual



Gambar 2 : Gambar setelah tamat temu bual